

29/07/2002

Polis bertindak awal elak ekstremisme: TPM (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Ahad - Polis akan mengambil tindakan awal untuk mengekang sebarang kegiatan berbentuk ekstrem bagi mengelak insiden yang tidak diingini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, polis mempunyai pasukan pemantau bagi memerhati keadaan itu untuk menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Malah, katanya, tindakan polis melarang ceramah terbuka terbukti mempunyai rasional dan berkesan dalam usaha menangani isu berkenaan kerana majlis seumpama itu boleh menimbulkan ketegangan apabila penceramah menyampaikan ucapan yang berapi-api.

"Kalau satu pihak dah mula dengan cara yang ekstrem, yang melampau dalam tindakan mereka, maka yang dibimbangkan nanti pihak yang kena tuduh, yang dimaki hamun itu, mungkin bertindak sama keras dan sama ganas. Ini yang kita bimbang.

"Yang pentingnya dalam negara ini ialah supaya kita memahami, iaitu ekstremisme dan sebarang bentuk keganasan, tidak boleh dibenarkan berlaku dan berleluasa di kalangan masyarakat," katanya selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Taman Wetland di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa ekstremisme berasaskan kaum di kalangan generasi muda semakin serius dan membimbangkan.

Perdana Menteri berkata, keadaan semakin membimbangkan apabila puak ekstrem daripada semua kaum semakin lantang menggalakkan perpisahan antara kaum dan mereka menentang sebarang usaha untuk mendekatkan antara kaum.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata, sikap pembangkang yang lebih suka menggunakan pendekatan ekstrim untuk mendapat sokongan, turut mencetuskan tindakan melampau, terutama di kalangan generasi muda.

Malah, katanya, Pas sudah sampai ke peringkat mempengaruhi anak muda untuk bertindak ganas.

"Kadangkala ada juga ajaran yang diberikan melalui latihan. Di samping itu pula, bila dipengaruhi dengan politik (melampau), maka ini boleh membawa kepada pemikiran yang lebih sempit.

"Saya memahami walaupun Umno adalah sebuah parti yang dianggotai orang Melayu yang beragama Islam, sejarah perjuangan Umno selama ini tidak membawa pemikiran orang Melayu kepada ekstremisme, kepada tindakan melampau atau taksub sama ada terhadap pemimpin atau sesuatu perkara.

"Sebab itulah Umno berjaya sebagai sebuah parti politik terbesar yang memimpin Barisan Nasional (BN)," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, pendekatan keras Pas seperti mengedar gambar dan memaki hamun sepanjang kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini, boleh menimbulkan keadaan yang tidak diingini.